

Dua kluster baharu COVID-19 dikesan di Sabah

Astro Awani

17 April 2020

Ruzaini Zulkepli,

KOTA KINABALU: Dua kluster baharu COVID-19 dikesan di Sabah melibatkan anggota kesihatan di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah (HWKKS) Kota Kinabalu dan Hospital Keningau.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Christina Rundi berkata, hasil siasatan awal mendapati punca jangkitan kes adalah dari luar hospital dan kemudiannya menjangkiti beberapa kontak pekerja.

Malah tegas beliau, siasatan juga mendapati tiada berlaku jangkitan silang kepada pesakit kerana semua anggota kesihatan menggunakan peralatan perlindungan diri (PPE) semasa bertugas.

"Kluster HWKKS ini turut menyumbang kepada peningkatan kes bagi daerah Kota Kinabalu. Daripada 42 kes COVID-19 di daerah ini, 24 kes adalah dari kluster Tabligh manakala 11 kes melibatkan anggota kesihatan yang mana lapan kes adalah kontak yang bertugas di HWKKS.

"Oleh itu, JKNS ingin menasihatkan orang awam untuk tidak bimbang dengan situasi ini kerana pihak jabatan kesihatan sentiasa berusaha memastikan fasiliti kesihatan tidak menjadi tempat penularan wabak itu," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Selain itu, Dr Christina menjelaskan, langkah drastik diambil JKNS untuk membendung penularan penyakit tersebut di hospital berkenaan.

Katanya, antara langkah yang diambil adalah membuat saringan ke atas semua anggota kesihatan yang terlibat termasuk kontak keluarga dan sosial.

"Mereka juga telah diarahkan untuk menjalani kuarantin sama ada di rumah atau di pusat kuarantin yang disediakan. Pihak JKNS turut akan memastikan perkhidmatan hospital dapat diteruskan seperti sedia ada," katanya.

Semalam, Kota Kinabalu diisytiharkan sebagai zon merah selepas merekodkan sebanyak 42 kes positif wabak itu sekali gus menjadikan bandaraya itu sebagai daerah kedua tertinggi COVID-19 selepas Tawau.

Untuk rekod, setakat semalam, Sabah mencatatkan bilangan 288 kes positif COVID-19 dengan seramai 135 orang dilaporkan pulih.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kluster-baharu-covid-19-dikesan-di-sabah-238799>